



---

**KHAMIS, 10 OGOS 2023  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM TANDATANGANI PERJANJIAN PROSEDUR KOORDINASI  
PERKHIDMATAN TRAFIK UDARA BERSAMA DGCA INDONESIA DAN  
AIRNAV INDONESIA**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Direktorat Jenderal Perhubungan Udara (DGCA) Indonesia dan AirNav Indonesia menjalinkan kerjasama melalui perjanjian Prosedur Koordinasi Perkhidmatan Trafik Udara sebagai salah satu komitmen bersama Malaysia dan Indonesia untuk meningkatkan keselamatan, kecekapan dan pembangunan industri penerbangan awam. Majlis menandatangani perjanjian itu telah diadakan di Denpasar, Bali, Indonesia yang diwakili oleh Dato' Kapten Norazman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, Kapten Sigit Hani Hadiyanto, Pengarah Navigasi Udara DGCA Indonesia dan Puan Polana B. Pramesti, Pengarah Presiden AirNav Indonesia.

Peristiwa penting ini bukan sahaja menggariskan komitmen CAAM, DGCA Indonesia dan AirNav Indonesia ke arah memperkasakan keselamatan dan kecekapan perkongsian ruang udara malah membuktikan wujudnya koordinasi dan kerjasama yang teguh antara kesemua pihak. Usaha sama ini akan memperkemaskan lagi proses-proses pengurusan trafik udara dan memastikan ruang udara kita kekal sebagai antara yang paling selamat dan cekap di peringkat global. Dengan prosedur yang diselaraskan, pengurusan trafik udara akan menjadi lebih harmoni dan cekap.

Kerjasama ini juga menjadi bukti kekuatan dan kepercayaan antara kedua-dua negara yang mempunyai visi yang selari tentang masa depan industri penerbangan yang cekap dimana wujudnya ruang udara yang lancar, mempunyai saling hubungan dan peluang

yang luas. Di samping itu, koordinasi ruang udara yang diselaraskan ini bukan sahaja mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan cekap malahan juga memberi kesan baik kepada perkembangan ekonomi dan peluang-peluang lain. Dengan meningkatkan kecekapan, kadar kelewatan pesawat akan berkurangan dan keterjalinan meningkat selain membuka lebih banyak peluang pelaburan dan pelancongan. Kepentingan kepada ekonomi hasil perjanjian ini melangkaui lapangan terbang dan ruang udara, ia menjanjikan pembangunan dan peluang pekerjaan yang lebih luas untuk Malaysia dan Indonesia.

CAAM akan kekal komited dalam mengukuhkan lagi perjanjian ini dengan menetapkan piawaian antarabangsa baharu dalam usaha membangunkan industri penerbangan dan membina asas yang kukuh untuk keselamatan, kecekapan dan pembangunan industri penerbangan yang disegani.

**DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD**

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Sebarang pertanyaan media berhubung kenyataan ini boleh dibuat dengan menghubungi Puan Anis Rahim di alamat emel [anis@caam.gov.my](mailto:anis@caam.gov.my) atau talian +6012-3364353